

Satu lagi kes

Ketatkan saringan di pintu masuk: PM

SHAH ALAM: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mahu pemeriksaan terhadap penumpang di pintu masuk negara, terutama penerbangan dari Amerika Syarikat dan negara lain yang dilanda wabak Influenza A (H1N1) diperketatkan.

Beliau berkata, Malaysia perlu mengambil tindakan yang sangat rapi bagi mengekang serangan penyakit itu daripada menular ke dalam negara.

Katanya, pemeriksaan rapi itu perlu kerana mereka yang tiba dari negara yang mungkin menghidap penyakit itu tanpa diketahui mereka.

"Yang masalahnya dalam keadaan ekonomi terbuka, amat sukar sebab mereka boleh datang dari pelbagai penjuru dan itu tidak semestinya tempat permulaan perjalanan mereka," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Selangor di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai pengesahan kes kedua H1N1 di negara ini.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Ramlee Rahmat, berkata



SAIFULLIZAN TAMADI | BERITA MINGGU

KANAK-KANAK perempuan ditemani bapanya datang secara sukarela ke Hospital Sungai Buloh semalam untuk membuat ujian pengesahan Influenza A selepas menghidap demam sebaik pulang dari London. ● LAGI LAPORAN DI MUKA 6 dan 7

Rakan mangsa pertama sah dijangkiti virus Influenza A

Oleh Mohd Hamizar Hamid
mizar@bharian.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia mencatatkan kes kedua Influenza A (H1N1) semalam selepas seorang pelajar perempuan yang pulang dari Amerika Syarikat (AS) disahkan dijangkiti virus berkenaan.

Pelajar berusia awal 20-an itu adalah rakan kepada pelajar lelaki berusia 21 tahun yang disahkan mangsa pertama

virus itu, dan kedua-duanya menaiki pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH091 yang sama dari AS.

Dengan pertambahan satu lagi kes itu, serta Turki dan India memasuki senarai negara disahkan dijangkiti semalam, diikuti Jepun dengan tiga kes jangkitan, menjadikan jumlah jangkitan kes selepas berkenaan meningkat kepada 8,451 kes di 39 negara, membabitkan 72 kematian.

Penumpang pesawat MH091 diminta jalani pemeriksaan

DARI MUKA 1

kes kedua itu membatalkan pelajar yang baru kembali dari Amerika Syarikat pada 13 Mei lalu dan dikuarantin di Hospital Sungai Buloh dan Hospital Pulau Pinang.

Beliau juga meminta semua 198 penumpang dan anak kapal pesawat Penerbangan Malaysia MH091 dari Amerika Syarikat segera melapor diri di Jabatan Kesihatan atau hospital berdekatan untuk menjalani pemeriksaan kesihatan.

Kelmarin, pemangku Menteri kesihatan, Datuk Seri Kong Cho Ha, berkata ada sebahagian penumpang pesawat MH091 itu transit di KLIA dan menuju destinasi lain, termasuk Indonesia.

Ditanya sama ada Malaysia akan mengeluarkan larangan terhadap pelawat dari negara yang dijangkiti virus itu daripada memasuki negara ini, Najib berkata, setakat ini tiada larangan dibuat.

Ahli keluarga kena kuarantin

DARI MUKA 1

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Ramlee Rahmat, berkata ketika ini, mangsa kedua dirawat di Hospital Pulau Pinang dan dilaporkan berada dalam keadaan stabil.

"Kita juga mengambil tindakan mengkuarantin ahli keluarganya di rumah dan mereka dilaporkan sihat.

"Mangsa pertama dan kedua pulang ke tanah air (Rabu lalu) bersama dua lagi rakan, namun pemeriksaan mendapati kedua-dua rakan mereka dalam keadaan sihat," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Kelmarin, akhbar melaporkan Malaysia mencatat kes pertama H1N1 selepas seorang pelajar lelaki berusia 21 tahun yang baru pulang dari AS disahkan dijangkiti virus itu.

Dr Ramlee berkata, hasil pemeriksaan mengesahkan hanya 192 penumpang, termasuk 15 anak kapal MAS menaiki pesawat MH091 dari Newark, AS yang mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada jam 7.15 pagi, Rabu lalu.

Beliau berkata, daripada jumlah itu, 119 penumpang dilaporkan masih berada dalam negara iaitu 81 warga tempa-

tan, manakala 38 lagi penumpang luar negara.

Katanya, baki 73 orang penumpang pesawat berkenaan meneruskan penerbangan ke destinasi lain pada hari sama.

"Kita sudah memaklumkan kepada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) supaya mengambil tindakan sewajarnya di negara yang dikunjungi semua penumpang terbabit," katanya.

Mengenai maklum balas penumpang pesawat berkenaan, beliau berkata, setakat ini 35 penumpang pesawat itu sudah menghubungi Kementerian dan maklumat berkenaan sudah diedarkan kepada Jabatan Kesihatan negeri terbabit bagi memastikan mereka dikuarantin di rumah masing-masing selama tujuh hari.

Pada masa sama, Dr Ramlee berkata, semua Pejabat Kesihatan negeri sudah diarah bersiap sedia termasuk menjalankan pemeriksaan dua kali sehari terhadap semua penumpang itu.

"Kita turut mengkuarantin tiga penumpang lain yang sepatutnya meneruskan perjalanan ke destinasi lain, tetapi masih menginap di hotel. Oleh kerana mereka tidak menetap di sini (Malaysia), mereka dikuarantin di Hospital Sungai



JURURAWAT Hospital Tuanku Fauziah (HTF) mengadakan pemeriksaan saringan virus Influenza A kepada orang ramai yang datang untuk menerima rawatan di hospital itu, semalam.

Buluh sehingga Rabu depan," katanya.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas sama ada tiga penumpang terbabit adalah warga tempatan atau pelancong asing.

Dr Ramlee berkata, penumpang yang ingkar memberikan kerjasama selepas dikesan dan dihubungi boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Kawalan Penyakit Berjangkit 1988.

"Setakat ini, seramai 88,544 orang sudah melalui proses pemeriksaan menggunakan 20 mesin pengimbas pada semua

pintu masuk ke negara ini di seluruh negara.

"Oleh itu, kami mengarahkan semua yang terbabit dalam kes ini supaya tampil memberikan kerjasama bagi mengelak penularan wabak

berkenaan," katanya.

Dr Ramlee berkata, sehingga tengah malam kelmarin, sembilan orang yang mempunyai simptom virus itu dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh, masing-masing dua Hospital Tuanku Fauziah, Perlis, Hospital Melaka dan Hospital Pulau Pinang, manakala satu di Hospital Sultanah Aminah, Johor.

"Daripada 16 kes ini, hanya satu kes di Pulau Pinang disahkan positif H1N1, manakala 12 lagi disahkan negatif. Kita masih menunggu keputusan yang lain," katanya.

FAKTA NOMBOR

16 kes

Individu dimasukkan ke hospital kerana mempunyai simptom virus H1N1